

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN
PROGRAM PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA
(HLPSB) TAHUN 2021**

Program penajaan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) tahun 2021 merupakan program penajaan pengajian kepada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan yang sedang mengikuti pengajian secara separuh masa di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D). Kemudahan dan obligasi di bawah program penajaan HLPSB tahun 2021 ini adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

Pegawai-pegawai yang berminat untuk memohon program penajaan HLPSB tahun 2021 hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (ii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (iii) Pegawai berumur tidak lebih daripada **50 tahun** bagi peringkat **Sarjana** serta **46 tahun** bagi peringkat **Kedoktoran (Ph.D)** pada **1 Januari 2021**;
- (iv) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas** bagi **tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini** berturut-turut (**2018, 2019 & 2020**). Penilaian setahun LNPT **genap 12 bulan**;
- (v) **Telah menerima tawaran dan baru memulakan pengajian** di peringkat Ijazah Sarjana atau Ph.D pada tahun 2021 secara separuh masa di **institusi pengajian tinggi tempatan** seperti di **LAMPIRAN 3**;

atau

Sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana atau Ph.D pada tahun 2021 secara separuh masa di **institusi pengajian tinggi tempatan seperti di LAMPIRAN 3** dengan syarat masih mempunyai **sekurang-kurangnya baki tiga (3) semester** pada tarikh tutup permohonan;

- (vi) Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa JPA;

- (vii) Telah mendapat **kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa** daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan;
- (viii) Kursus yang diikuti oleh pegawai adalah berkaitan dengan bidang pengajian yang ditawarkan seperti di **LAMPIRAN 4**;

* Pengajian secara Kerja Kursus (*Coursework*) di peringkat Ijazah Sarjana perlu melibatkan sekurang-kurangnya enam (6) jam kredit dalam bentuk tesis, disertasi atau kertas projek penyelidikan.

- (ix) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti;
- (x) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang / sederhana / pendek seperti berikut:

| Tempoh Kursus | Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2021) |
|---|--|
| Lebih daripada 12 bulan | 2 tahun |
| Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan | 1 tahun |
| Kurang daripada 3 bulan | Tiada |

- (xi) Mengikuti pengajian di **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- (xii) Pegawai perlu disahkan bebas daripada penyakit kronik (**LAMPIRAN 5**) oleh pegawai perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan menggunakan borang pengakuan dan pemeriksaan kesihatan seperti di **LAMPIRAN 6**;
- (xiii) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah; dan
- (xiv) Telah mengisytiharkan harta.